

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 8/2009**

=====

**DASAR PEROLEHAN HARTANAH KEPADA WARGANEGARA ASING  
BAGI TUJUAN BANGUNAN KEDIAMAN**

-----

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan terbaru Pihak Berkuasa Negeri terhadap dasar perolehan hartanah kepada warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di Negeri Selangor.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No.2/9/2009 bertarikh 12 Ogos 2009 yang telah disahkan pada 19 Ogos 2009 telah bersetuju meluluskan cadangan dasar perolehan hartanah oleh warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di Negeri Selangor yang melibatkan perubahan kepada paras harga (*threshold*) hartanah yang terlibat.

2.2 Seterusnya garis panduan pelaksanaan keputusan tersebut telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian Bil. 5/2009 yang berkuatkuasa pada 1 September 2009.

2.3 Walau bagaimana pun, Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No. 24/36/2009 bertarikh 4 November 2009 yang telah disahkan pada 18 November 2009 telah bersetuju untuk **meluluskan** pindaan paras harga yang baru bagi perolehan hartanah oleh warganegara asing dan juga penduduk tetap di Negeri Selangor.

### 3. **PARAS HARGA BARU**

3.1. Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah **bersetuju** dengan pindaan paras harga yang baru seperti berikut :-

**3.1.1 Kadar minima perolehan hartanah oleh warganegara asing dan penduduk tetap adalah sama iaitu dinaikkan daripada masing-masingnya RM150,000.00 dan RM60,000.00 kepada 250,000.00**

#### **4. PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN**

4.1. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, penetapan paras harga bagi perolehan hartanah di Negeri Selangor bagi warganegara asing dan penduduk tetap seperti terkandung di dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 5/2009 adalah terbatal.

#### **5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

T.T.

**( DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN )**

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 10 Disember 2009